

RENCANA

CATATAN
WARTAWAN

NUR ADILAH MAHBOP
adilaham@sph.com.sg

LAPORAN tentang kakitangan Hospital Tan Tock Seng (TTSH) yang mengalami diskriminasi apabila terdapat penularan Covid-19 di hospital itu memang menyedihkan.

Apatah lagi golongan tersebut – merangkumi bukan sahaja pekerja penjagaan kesihatan, bahkan pekerja lain termasuk pekerja pembersihan dan pentadbiran – giat dan sedia berkorban memerangi Covid-19 di barisan depan.

Ada kakitangan hospital itu yang

Usah sisih pekerja jagaan kesihatan, terus sokong mereka urus risiko penularan

melaporkan sukar mendapatkan teksi atau kereta sewa privet, sukar menempah hotel, atau dijauhi orang ramai di tempat awam apabila mengenakan seragam mereka.

Baru sekitar setahun lalu, warga Singapura berkobar-kobar menyertai ‘tepuan beramai-ramai’ dari rumah untuk meluahkan penghargaan kepada pekerja dalam industri penjagaan kesihatan.

Kini, apabila kelompok jangkitan pertama timbul di hospital Singapura, ini sama sekali bukan masanya bagi masyarakat untuk menyisihkan golongan ini. Malah, sikap ini tidak dapat diterima langsung.

Pada masa yang sama, kebimbangan orang awam tentang risiko penularan Covid-19 memang dapat difahami, terutama sekali bagi penyedia khidmat seperti pemandu teksi dan kereta sewa privet, yang juga berhak berasa selamat semasa bertugas.

Pemandu teksi atau kereta sewa

privet yang menolak tempahan daripada kakitangan TTSH mungkin berbuat demikian kerana tidak sanggup menghadapi risiko dan mahu melindungi ahli keluarga sendiri yang mudah terjejas dengan virus tersebut.

Mereka juga mungkin rasa kurang yakin atau kurang dilatih untuk mengurus risiko tersebut.

Untuk memenuhi keperluan ini, syarikat kereta sewa privet Grab telah memperkenalkan GrabCare, khidmat khusus yang membawa pekerja penjagaan kesihatan ulang alik ke hospital.

Dilaporkan bahawa Grab telah menjalankan satu lagi usaha untuk merekrut pemandu bagi inisiatif ini, yang kini mempunyai lebih 12,000 pemandu yang sedia menawarkan khidmat tersebut.

Pemandu di bawah inisiatif ini wajar diberi ganjaran tambahan dan dilatih dengan secukupnya agar berse-

dia untuk membawa pekerja hospital dengan selamat.

Oleh itu, pelbagai pihak termasuk majikan dan sektor privet boleh memainkan peranan untuk memastikan terdapat peruntukan secukupnya untuk memenuhi keperluan pekerja sektor penjagaan kesihatan, dari segi pengangkutan mahupun penginapan sementara.

Tanggungjawab ini tidak boleh diserahkan kepada orang awam yang mungkin tidak mampu untuk menggalas risiko tersebut.

Namun, orang awam boleh memainkan peranan mereka untuk terus memberi sokongan moral kepada pekerja penjagaan kesihatan.

Malah, tidak salah bagi orang ramai untuk mendekati pekerja ini, apabila mereka berada di tempat awam dengan seragam mereka, untuk mengucapkan terima kasih atas pengorbanan mereka.

Mereka tidak perlu berasa ‘jijik’ dengan jururawat yang memakai se-

ragam di tempat awam, sedang golongan ini telah dilatih untuk menjalani prosedur pembersihan yang ketat untuk memastikan mereka tidak menyebarkan virus.

Saya pasti pekerja penjagaan kesihatan akan melakukan sedaya upaya untuk mencegah penularan virus ini, bukan sahaja untuk melindungi orang awam, bahkan keluarga dan diri mereka sendiri.

Saya juga pasti kes Covid-19 yang timbul di hospital itu juga membimbangkan pekerja pekerjaan kesihatan dan ahli keluarga mereka, dan kejadian itu merupakan peringatan terhadap risiko tugas mereka.

Bahkan, ada yang bersedia secara sukarela mengasingkan diri daripada keluarga dan rakan tersayang, termasuk pekerja Muslim di tengah-tengah musim Hari Raya, semata-mata untuk melindungi orang tersayang mereka daripada risiko jangkitan.

Mujur kelompok jangkitan di TTSH pantas dikawal. Ini berkat kerja

keras dan tindakan yang diambil kakitangan hospital itu juga.

Sekitar tiga minggu setelah seorang jururawat TTSH disahkan positif, hospital tersebut, yang sebelum ini tidak menerima pesakit baru buat sementara waktu, pada Selasa sudah mula dibuka semula secara bertahap-tahap.

Pada masa yang sama, hospital itu akur risiko terhadap pekerja penjagaan kesihatannya terus wujud.

Pekerja penjagaan kesihatan dan semua pekerja baris depan lain, dari pekerja di lapangan terbang hingga pekerja imigrasi di pusat pemeriksaan lain, terus berdepan dengan risiko ini.

Jika orang awam tidak sanggup untuk berdepan dengan tahap risiko yang dihadapi golongan ini, kita sewajarnya terus memastikan ada peruntukan secukupnya untuk mengurangkan risiko penularan, atau sekurangnya memberi sokongan moral.

Terus semangat berkhidmat walau hadapi pelbagai cabaran

► **SITI AISYAH NORDIN**
naisyah@sph.com.sg

BELIAU bersama rakan sekerjanya yang lain telah berada di barisan hadapan dalam usaha Singapura menghadapi Covid-19 lebih setahun lalu.

Tugasnya menjaga pesakit di Hospital Tan Tock Seng (TTSH) semakin mencabar sedang jumlah jangkitan semakin meningkat dan semasa negara ini terpaksa melalui tempoh pemutus litar (CB) dari 7 April hingga 1 Jun tahun lalu.

Dalam tempoh beberapa minggu lalu, ketua jururawat di TTSH Dr Hoi Shu Yin, telah melalui pengalaman yang sama di tempat kerjanya sedang kelompok jangkitan Covid-19 muncul di hospital itu, menyebabkan ia ditutup dari pengunjung sejak 29 April.

Namun, menyusuli kejadian itu, ramai yang terkejut dengan kisah-kisah yang dikongsikan di media sosial mengenai kakitangan TTSH yang dijauhi anggota masyarakat kerana bimbang dijangkiti.

Namun, Dr Hoi, yang telah berkhidmat di TTSH selama lebih 20 tahun, tidak endahkan isu tersebut.

Ketua jururawat berusia 43 tahun itu berkata: “Anggota masyarakat awam ada kepri-

hatinan mereka sendiri, dan kami faham. Tapi saya percaya apabila mereka mendapat maklumat yang lebih, mungkin mereka kurang bimbang.

“PM Lee juga telah mengemukakan tindakan diskriminasi seperti itu, dan ini menunjukkan pegangan negara.”

Menerusi satu catatan di Facebook Jumaat lalu, Perdana Menteri Lee Hsien Loong mengutarakan kekecewaannya terhadap mereka yang mengamalkan diskriminasi terhadap kakitangan TTSH.

“Kami faham ramai yang bimbang, tapi ini tetap sukar untuk dilihat,” tulisnya.

“Selama lebih setahun kita menghadapi Covid-19 dengan pelbagai cara, dan kerana kita semua bekerjasama, keadaan bertambah baik.

“Kita tidak boleh membiarkan sebarang kegentian memecah-belahkan atau menghancurkan kita kerana jika kita hilang paduan, maknanya virus ini sudah menang.”

Seorang jururawat menulis di Twitter sebelum ini bahawa ada pemandu kereta sewa yang telah membatalkan tempahannya setelah mereka menyedari beliau ingin ke TTSH.

Seorang jururawat lain berkata beliau menyedari ramai yang menjauhi beliau apabila beliau menaiki MRT dalam seragamnya.



TERUS BERSEMANGAT: Meskipun berhadapan dengan sentimen negatif, kakitangan TTSH tetap bersemangat untuk berkhidmat untuk masyarakat dalam tempoh mencabar ini. – Foto BH oleh KUA CHEE SIONG

Menteri Kesihatan sebelum ini, Encik Gan Kim Yong, berkata di parlimen Selasa lalu bahawa insiden diskriminasi seperti itu merupakan sebahagian daripada “trend yang membimbangkan”.

“Kami memerhatikan sebahagian kecil penduduk Singapura yang mengambil langkah untuk melindungi diri mereka tapi pada masa yang sama mengorbankan kesejahteraan pekerja kesihatan kita.

“Ada diantara mereka yang telah disuruh keluar dari rumah mereka oleh pemilik tanah, ada juga rakan sekerja yang menjauhi mereka. Pada pendapat saya ini semua salah,” kata Encik Gan, yang telah melepaskan jawatannya sebagai Menteri Kesihatan Sabtu lalu dan kini merupakan Menteri Perdagangan dan Perusahaan.

Pengerusi jawatankuasa kesejahteraan di

TTSH, Profesor Madya Habeebul Rahman, percaya amalan diskriminasi seperti itu tidak mencerminkan apa yang dirasakan oleh majoriti rakyat Singapura.

“Perbuatan diskriminasi itu boleh timbul ketika seseorang individu itu khuatir akan keselamatannya.

“Tetapi penting untuk ingat ramai yang sebenarnya mempamerkan sokongan mereka terhadap pekerja kesihatan dan kita menghargai perkara tersebut,” kata Profesor Habeebul, 47 tahun.

Seorang lagi jururawat menyatakan bahawa tempahannya di Hotel G dibatalkan untuk “mengelakkan risiko” terhadap tetamu hotel lain.

Menurut laporan *The New Paper*, jurucakap hotel itu berkata ini terjadi disebabkan maklumat yang tidak lengkap mengenai

dasar tempahan hotel itu yang disebarkan.

“Menyusuli kes ini, pihak hotel ingin meminta maaf atas kesilapan dalam komunikasi ini dengan tetamu dan telah pun menghubungi tetamu itu...untuk menjelaskan perkara sebenar,” kata jurucakap hotel tersebut.

Menurut Encik Gan, hampir 28,000 orang telah diuji dalam usaha mengenalpasti kes yang berkait dengan kelompok TTSH ini, yang masih aktif.

Apabila ditanya sama ada kes yang semakin meningkat ini melemahkan semangat kakitangan TTSH, Profesor Habeebul berkata: “Memang tak mengejutkan jika semangat kakitangan terjejas, namun ada juga rasa perpaduan semasa tempoh sukar ini.

“Kami juga mengingatkan satu sama lain untuk tidak berputus asa dan menyerah kepada sentimen negatif tapi meneruskan tugas yang kami perlu lakukan.”

Sedia juadah istimewa untuk pesakit, kakitangan TTSH



MANISAN KHAS BAGI PESAKIT: Kakitangan dapur TTSH membungkus kek dengan kad ucapan perayaan khas.

SEMPENA Hari Raya Aidilfitri tahun ini, kakitangan dapur di Hospital Tan Tock Seng (TTSH) telah menyediakan manisan istimewa - kek lobak merah walnut gandum - khas untuk pesakit di wad mereka.

Ini merupakan salah satu daripada usaha mereka semasa musim perayaan sepanjang tahun.

Namun, tahun ini, ia agak berbeza.

Selain menyediakan kek is-

timewa untuk pesakit, kakitangan dapur TTSH turut tampil ke hadapan untuk menawarkan makanan kepada kakitangan hospital di beberapa wad.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan TTSH, pasukan itu terus berusaha meneruskan tradisi menyediakan makanan istimewa, dengan mengetahui bahawa ia akan menambah senyuman wajah pesakit mereka yang berada di sana semasa musim perayaan ini.

“Setiap musim perayaan, kami akan lakukan sesuatu yang istimewa untuk pesakit kami dan bagi Hari Raya tahun ini, kami menyediakan kek lobak merah walnut yang sihat.

“Meskipun pesakit mungkin tidak dapat meluangkan masa bersama keluarga mereka, kami berharap manisan ini dapat membawa keceriaan kepada mereka,” kata Cef Leo Yui Thim, Chef Pengeluaran Kanan, Perkhidmatan Layanan baik dan alam sekitar.



SEBAR KECEERIAAN: Seorang pesakit menerima kek lobak merah walnut gandum daripada kakitangan TTSH. – Foto-foto TTSH